

MOHAMAD SABU



Juanga

MAT SABU

“Orang tua-tua mentafsirkan
dua pusaran rambut di kepala bermakna
saya ketegaq – keras dan melawan.”



Juang

MAT SABU



PUSTAKA PERDANA



1013887

Juang

PENERBIT:
Mohamad Sabu

Pendaftaran penerbit dalam Sistem Depositori,
Perpustakaan Negara Malaysia.

Teks © Mohamad Sabu 2021
Grafik & Ilustrasi © Mohamad Sabu 2021

ILUSTRATOR:
Nor Azlin Bin Ngah

PENYUNTING:
Mohd Hasbie Bin Muda

Cetakan pertama, 2021

Hakcipta terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada Mohamad Sabu melalui email berikut: chefhisyam@gmail.com atau dialamatkan kepada penerbit: No. 25, Jalan Belat Tiga, 19/32C, Seksyen 19, 40300 Shah Alam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Sabu, 1954-
Juang MAT SABU / MOHAMAD SABU.
ISBN 978-967-26341-1-9 (hardback)
1. Mohamad Sabu, 1954-
2. Politicians--Malaysia--Biography.
3. Autobiography.
4. Malaysia--Politics and government.
I. Judul.
923.2595

Dicetak oleh:
Infocus Printing Sdn. Bhd.
No. 11, Jalan PBS 14/14,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor

923.2595

KANDUNGAN

PRAKATA

PENDAHULUAN VII

GARIS MASA MOHAMAD BIN SABU IX

Akhirnya BN Tumbang! 1

MULA BERJUANG 5

Kampung Guar Petai 7

Alam Persekolahan 11

Institut Teknologi MARA 15

Dibuang Kerana Demonstrasi Pelajar 18

Penglibatan dalam ABIM 23

Menyertai PAS 26

Revolusi Islam Iran 32

MENYUSUN PERJUANGAN 37

Bertanding di Kepala Batas 39

Dibuang Daerah ke Kuala Pilah 43

Peristiwa Memali 50

Bertanding di Permatang Pauh 53

Menjadi Mangsa Ops Lalang 56

Menjadi Ahli Parlimen 62

Dewan Pemuda PAS Pusat 69

Unit Amal 75

Sekolah Agama Rakyat 78

Ustaz Fadzil Noor 81

GELORA PERJUANGAN 85

Perjuangan di Dewan Rakyat 87



Pembangkok Terus Ditekan	91
Demokrasi Pincang, Perlukah Angkat Senjata?	97
Iktibar Dari Bumi Afghanistan	100
Tsunami Politik	105
Menjadi Orang Nombor Dua PAS	109
Memahami Media dan Propaganda	114
Mat Indera Pejuang atau Petualang?	120
PAHIT GETIR PERJUANGAN	127
Benarkah Saya Syiah?	129
Bertemu Hassan Nasrallah	135
Kenapa Kami Tinggalkan PAS	141
Menubuhkan Wadah Politik Baru	148
Cabaran Pakatan Harapan	153
Jadi Menteri	156
Tarik Tentera Malaysia di Yaman	162
FIKRAH PERJUANGAN	167
Pilihan Raya Kerajaan Tempatan	169
Menolak Pingat Kebesaran	173
Muafakat Nasional dan Amanat Haji Hadi	175
Langkah Khianat	178
Apa Perlunya Darurat?	182
Titik Hitam dalam Sejarah Perkembangan Empayar Islam	184
Helah Barat Melumpuhkan Islam	188
Tokoh-Tokoh Yang Saya Kagumi	192
Amerika Syarikat dan Pelobi Yahudi	200
Palestin di Bahu Umat	205
Kenapa Umat Islam Lemah?	208
Agamawan, Ulamak dan Lebai	216
Perjuangan Melawan Rasuah	219
Integriti British Trained vs INTAN Trained	223
TERUS BERJUANG	227
Peralihan Tamadun	229
Masa Depan Milik Islam	232
<i>Indeks Petikan Bab</i>	<i>236</i>

PRAKATA

HASBIE MUDA

Penyunting

Nama Mohamad bin Sabu atau Mat Sabu tidak perlu diperkenalkan lagi. Membesar dalam keluarga serba kekurangan tidak pernah mematahkan semangat beliau untuk terus belajar dan membangunkan diri. Meneladani susuk ayahandanya yang keras melawan, watak kaki lawan Mat Sabu berputik dari zaman kanak-kanak dan tertonjol semasa zaman kampus sehingga terhukum dibuang dari pengajiannya. Memang beliau tidak lahir dengan aura atau susuk pemimpin secara semula jadi. Beliau bermula sebagai pengikut atau ahli biasa sama ada pada zaman kampus mahupun dalam gerakan belia. Secara perlahan-lahan, beliau belajar dan membangunkan diri melalui pergaulan, pembacaan serta penglibatan dalam pelbagai lapangan perjuangan.

Dalam parti, beliau juga bermula dari bawah. Menapak dari satu per satu tangga jawatan, terbuang dan terjulang sehingga akhirnya berada pada kedudukan yang tinggi dalam Kerajaan. Tiada siapa pernah terfikir seorang demonstran jalanan ini menjadi antara pemicu utama kebangkitan rakyat yang berjaya menumbangkan rejim Barisan Nasional (BN) dan diangkat sebagai Menteri Pertahanan Malaysia, satu kedudukan kanan dalam Kabinet Malaysia.

Mat Sabu konsisten dalam memperjuangkan nasib rakyat khususnya golongan yang tertindas. Beliau tidak pernah berpusing tumit menentang kezaliman pemerintah. Pada saat rakan-rakan seperjuangannya mulai lunak dengan kepimpinan rejim BN termasuk memilih Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai wadah perjuangan, Mat Sabu kekal istiqamah mendukung harapan rakyat yang mahu melihat hegemoni parti pemerintah itu direhatkan daripada terus rakus memungghah khazanah negara.

Penulis buku politik Mohd Sayuti Omar (1994) pernah menulis;

“Dalam PAS, Mohamad Sabu terkenal sebagai ahli politik (yang) bersemangat, bertenaga dan berkebolehan. Yang paling istimewanya

ialah keberanian serta keutuhan prinsip perjuangan yang ada padanya. Baginya Islam tidak ada tukar ganti. Malahan beliau rela syahid demi Islam."

Mat Sabu pernah ditahan dua kali bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Tidak mudah bagi sesiapa pun untuk menjalani hukuman dibuang daerah dan dihantar ke kem tahanan apatah lagi atas motif mainan politik kuasa semata-mata. Walau bagaimanapun, fasa itu penting dalam pergelutan pemikiran politik beliau apabila berpeluang untuk bergaul rapat dengan ramai pemimpin politik, rentas parti dan ideologi terutamanya Parti Tindakan Demokratik (DAP), parti yang dianggap 'hantu' oleh ramai orang Melayu.

Ramai tertarik dengan kepetahan dan kelucuan Mat Sabu berhujah di pentas-pentas ceramah dan juga di dalam Dewan Rakyat. Selama tiga penggal berturut-turut beliau mewakili tiga kawasan parlimen yang berbeza iaitu Nilam Puri, Kubang Kerian dan Kuala Kedah. Walaupun Mat Sabu gagal memenangi kerusi dalam tiga pilihan raya kemudiannya, namun bintang politiknya tidak malap. Nama dan wajah beliau terus menjadi daya penarik pada kain pemedang dan poster ceramah yang dianjurkan oleh parti-parti pembangkang.

Mat Sabu pernah digelar ayam tambatan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Namanya cukup sinonim dengan parti tersebut untuk suatu tempoh yang agak lama. Biasanya, ceramah politik yang dianjurkan oleh PAS mampu menarik kehadiran yang besar jika beliau dibariskan sebagai salah seorang penceramah. Cawangan-cawangan PAS yang ingin memenuhi tabung parti juga akan menjemput beliau untuk menjadi *crowd-puller* sekali gus menjamin kutipan derma yang lumayan.

Pidatonya yang sarat dengan fakta dan diselit lawak jenaka sentiasa membuatkan pendengarnya tidak kering gusi dan tidak akan berganjak selagi beliau belum habis berucap. Tulis tokoh wartawan tersohor Subky Abdul Latif (2013);

"Sejak lebih 20 tahun dulu beliau penarik ramai pendengar dan kawasan mana yang mahu mendapat derma kilat yang besar mesti panggil Mat Sabu. Dalam banyak ceramah, Ustaz Fadzil Noor tak mahu bercakap selepas Mat Sabu. Dia nak bercakap dulu."

Hishamuddin Rais, susuk pemimpin mahasiswa terkenal tahun 1970-an turut melahirkan keterujaan apabila pertama kali mendengar pidato Mat Sabu secara terus. Kata Hishamuddin (2018);

“Si Jantan ini jelas bercakap tentang politik Malaysia. Jantan ini bercakap teratur, tuntas dan jelas. Ini menjadikan saya tertarik. Paling menarik ucapan Jantan ini diselang-seli dengan kata-kata yang amat melucukan. Saya terpegun. Saya terfikir Jantan ini seorang propagandis yang hebat. Jantan ini memiliki keupayaan mengahwinkan babak politik yang disira dengan humor Melayu. Dalam ilmu komunikasi, inilah teknik terbaik – memecahkan babak politik melalui humor. Dengan sandaran humor, babak politik akan menyerap masuk untuk diingati dengan lebih pantas. Humor melalaikan pendengar dan ketika ini propaganda menerobos masuk. Ini satu keilmuan yang unggul. Tidak semua penceramah memiliki keupayaan ini.”

Selain itu, Hishamuddin turut mengakui bahawa Mat Sabu adalah watak penting dalam menjayakan apa jua perhimpunan rakyat. Kata Hishamuddin;

“Sesudah kejayaan BERSIH 1.0, Mat Sabu telah dinobatkan sebagai komander politik jalan raya. Tanpa Mat Sabu ikut serta atau terlibat, mustahil gerakan jalan raya akan berjaya. Mat Sabu memainkan peranan penting dalam perhimpunan anti-GST. Mat Sabu memimpin Himpunan Kebangkitan Rakyat pada 12 Januari 2013. Lebih dari 400,000 rakyat berhimpun di Stadium Merdeka. Hakikatnya segala gerakan jalan raya dan perhimpunan jalan raya, cap jari dan tandatangan Mat Sabu diperlukan. Mat Sabu wajib ada bersama. Dari pengalaman, jika Mat Sabu tidak turun, maka rakyat tidak akan yakin untuk turun bersama.”

Mat Sabu adalah seorang yang komited dalam tugasnya untuk membangunkan parti. Ini terbukti dengan komitmen beliau dalam wadah lama, PAS sejak penghujuh tahun 1970-an lagi. Kata pemerhati politik veteran, Pak Shukur Harun (2016);

“Arahkan sajalah beliau ke mana saja dan tugas apa pun diberi akan dilakukannya dengan sungguh-sungguh, siang dan malam demi parti, walau di tengah hujan, guruh petir dan betapa sukarnya. Bagi Mat Sabu, PAS (ketika itu) adalah segala-galanya.”

Pelbagai ujian dan cabaran yang dilalui tidak pernah melemahkan beliau. Mat Sabu tidak pernah sesekali menyerah kalah atau memilih untuk berundur. Beliau terus konsisten menentang penyelewengan dan kezaliman pemerintah. Kata Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sewaktu berucap dalam Muktamar PAS pada tahun 2011;

“Sejak daripada dia terlibat dengan politik di ITM lagi, dia terus bersama dengan PAS. Tak pernah terlibat (dengan) UMNO. Ini kelebihan Mohamad Sabu. Dua kali Mohamad Sabu disumbat dalam ISA. Dia tunduk kepada UMNO kah? Dia sujud pada UMNO kah? Tidak. Mana baik antara Mohamad Sabu dengan (yang) balik Universiti al-Azhar dan jadi Pemuda UMNO, mana baik? Oleh yang demikian, saya berasa bangga mendapat seorang Timbalan Presiden seperti Mohamad Sabu. Dia sangat dibenci oleh musuh. Insya Allah UMNO tak lena tidur selepas ini.”

Tidak hanya diuji dengan ISA, Mat Sabu juga berdepan dengan pelbagai ujian getir termasuk tuduhan khalwat, gelaran Syiah dan penyokong Komunis, anti-ulamak dan anti-Hudud. ‘*The unsinkable Mat Sabu*’ tetap tidak karam dan tenggelam malah beliau terus popular. Tidak ramai ahli politik yang mampu kekal relevan selama lebih empat dekad seperti Mat Sabu. Sejak tahun 1980-an namanya sudah popular dan meniti di bibir rakyat walaupun partinya, PAS tidak popular dan dicemuh oleh rakyat pada ketika itu.

Jiwa besar Mat Sabu diakui kawan dan lawan. Beliau biasa kalah dalam pemilihan parti tetapi Mat Sabu tidak kecewa atau berkecil hati. Beliau boleh bergurau mesra walaupun dengan sesiapa yang berbeza pendapat dengannya. Walau bagaimanapun, kekalahan beliau dan rakan-rakannya dalam pemilihan PAS pada tahun 2015 semacam menunjukkan pintu keluar atau jalan mati kepada perjuangan beliau bersama wadah itu. Beliau sedar bahawa keberadaan beliau dalam parti itu sudah tidak dialu-alukan lagi. Makian, fitnah dan kata-kata nista dihambur agar beliau segera mengangkat kaki dan berlalu pergi.

Kemuncak pertembungan pemikiran dalam PAS pada masa itu memaksa beliau dan pimpinan yang digelar Kumpulan 18 atau G18 memilih untuk meninggalkan PAS dan menubuhkan wadah baru iaitu Parti Amanah Negara (AMANAH). Ia suatu keputusan yang sukar tetapi perjuangan melawan rasuah dan penyelewengan tidak boleh terhenti di tengah jalan apatah lagi wadah lamanya mulai lunak dan

galak 'bercium mulut' dengan rejim kleptokrat yang dipimpin Perdana Menteri Mohd Najib Razak.

Mat Sabu berada dalam kelas yang tersendiri kerana pemikiran dan pandangan politiknya yang segar dan dinamik. Keberanian beliau dalam melakar semula naratif sejarah berkenaan Mat Indera yang dituduh penganut ajaran Komunis telah membuka mata masyarakat termasuk para sejarawan untuk menilai semula penulisan sejarah yang dilihat sentiasa memihak kepada pihak 'yang menang'. Berminggu-minggu beliau dikecam ketika itu tetapi pendiriannya tidak berganjak walaupun seinci sehinggalah mahkamah memutuskan beliau di pihak yang benar.

Di sebalik kelucuan pidatonya yang membuatkan audien tidak kering gusi, Mat Sabu sebenarnya seorang yang cukup serius apabila bercakap tentang isu-isu politik antarabangsa khususnya mengenai dunia Islam. Kata Setiausaha Agung AMANAH Datuk Anuar Tahir (2018);

“Dia suka berfikir dan banyak membaca, baik (isu politik) tempatan mahupun antarabangsa. Walaupun dia bukan pelajar bidang sejarah tapi pengetahuannya mengenai sejarah sangat luar biasa. Dia boleh mengingat dengan baik dan boleh membuat analisis yang mengaitkan sejarah dengan isu serta fakta semasa. Dan dia memang sejak dulu cenderung meminati pemikir kontroversi radikal. Jiwa dia pejuang. Dia suka kepada manusia yang hidupnya memperjuangkan kehidupan golongan tertindas, orang miskin dan yang hidup susah.”

Kata Anuar lagi, watak kepemimpinan Mat Sabu unik. Dalam parti, semua ahli sama ada orang besar mahupun pemegang Ijazah Doktor Falsafah sekali pun boleh menerima kepemimpinannya. Semua hormat dan kasih kepadanya dan menerima beliau seadanya.

Membangunkan sebuah parti baru bukanlah kerja mudah. Sudah ramai tokoh hebat yang kecundang dalam membangunkan wadah baru—sebut sahaja nama besar seperti Onn Jaafar, Tengku Razaleigh Hamzah mahupun Asri Muda. Sejarah merakamkan bahawa mereka tidak berjaya membawa jauh wadah baru yang mereka tubuhkan walaupun '*track record*' dalam parti lama mereka cukup mengagumkan. Bukan kerana mereka tidak cukup bagus, tetapi membina wadah baru yang bermula daripada kosong memerlukan formula baru

serta stamina perjuangan yang tidak mudah mencungap. Ternyata, Mat Sabu telah berjaya membuktikannya dengan sokongan kuat rakan-rakan seangkatannya.

AMANAH bukan hanya mampu bertahan sehingga ke hari ini, tetapi dalam tempoh tidak sampai tiga tahun, ia mampu memenangi pilihan raya sekali gus menjadi sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan dan memerintah beberapa buah negeri. Lebih membanggakan seramai lima orang pemimpin AMANAH dilantik sebagai menteri, lima orang dilantik sebagai timbalan menteri serta seorang dilantik sebagai Speaker Dewan Rakyat. Di peringkat negeri, ada pemimpin AMANAH dilantik sebagai Ketua Menteri, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Exco dan menjawat pelbagai jawatan di posisi strategik.

Buku ini tidaklah ditulis dan disusun untuk menonjolkan kehebatan Mat Sabu ataupun bertujuan mengagung-agungkan dirinya. Itu bukan dirinya sebagaimana beliau sendiri berasa janggal untuk menerima anugerah pangkat dan bintang kebesaran kerana keperibadiannya yang sejak dulu lebih selesa dikenali sebagai orang kecil dan kebanyakan. Buku ini ditulis untuk berkongsi pengalaman dan sudut pandang beliau kepada masyarakat khususnya generasi muda sebagai pewaris kepimpinan negara.

Di dalam bab-bab awal buku ini, penulisan ditumpukan kepada perjalanan hidup beliau sejak dilahirkan pada tahun 1954 hingga tahun 2021. Cerita di sebalik tabir beberapa peristiwa politik yang berlaku dihuraikan secara santai dan bersahaja. Pelbagai tuduhan dan kekeliruan yang ditimbulkan terhadap beliau telah dijawab dengan jelas dan terang. Dalam bab-bab kemudiannya pula, penulisan lebih berfokus kepada pemikiran atau sudut pandang beliau dalam pelbagai isu khususnya politik tempatan dan antarabangsa.

Buku ini sedikit sebanyak menjelaskan sebab mengapa susuk biasa ini boleh diterima sebagai pemimpin utama sebuah parti Islam yang di dalamnya terbaris sebegitu ramai tokoh-tokoh hebat dalam pelbagai bidang kepakaran.

Semoga naskhah ini bermanfaat untuk ditekuni.

Selamat membaca.

PENDAHULUAN

Niat menulis buku ini muncul apabila saya melihat seorang demi seorang rakan-rakan yang seangkatan dengan saya telah pulang bertemu Ilahi. Usia saya juga tidak lagi muda. Bila-bila masa sahaja akan dijemput pulang.

Saya ada sedikit pengalaman sepanjang bergelumbang selama lebih empat dekad dalam bidang politik. Sebagai manusia biasa, saya juga ada kekurangan dan kelemahan. Tiada manusia yang sempurna selain junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan penulisan buku ini bukanlah untuk menyanjung budi sendiri atau memberitahu kehebatan diri dan betapa mulianya diri saya. Perjalanan hidup saya sebenarnya hanya biasa-biasa sahaja tetapi pengajaran yang saya perolehi dalam setiap episod kehidupan saya mungkin menarik untuk dikongsi.

Jatuh bangun dan pahit manis perjuangan adalah asam garam dalam kehidupan. Ada kalanya datang perasaan sedih, kecewa dan duka. Tetapi semua itu saya abadikan sebagai pengorbanan yang perlu saya berikan kepada bangsa, agama dan negara. Bagi saya, ia tetap suatu pengalaman hidup yang menarik dan saya bersyukur kerana berpeluang melaluinya dengan sebegitu banyak nikmat yang Allah telah kurniakan.

Dalam buku ini, saya menulis beberapa peristiwa penting dari sudut pandang saya sendiri. Saya juga mengambil peluang menjelaskan beberapa tuduhan yang melibatkan diri saya serta sebab dan rasional sesuatu keputusan yang pernah saya ambil misalnya meninggalkan PAS dan menubuhkan Parti Amanah Negara.

Saya juga turut menyentuh beberapa orang tokoh yang melatari peristiwa-peristiwa yang berlaku. Saya fikir ia penting untuk dimasukkan kerana keberadaan mereka amat signifikan dalam perjalanan politik Malaysia mahupun antarabangsa di samping mencorak pemikiran saya sendiri.

Buku ini turut memuatkan pandangan saya khususnya isu-isu politik antarabangsa hasil pembacaan, pergaulan dan pengalaman selama beberapa dekad.

Saya berharap melalui penulisan ini, para pembaca khususnya generasi muda dapat mengambil pedoman dan teladan. Suatu yang baik boleh diteruskan manakala khilaf dan kesilapan janganlah diulangi lagi. Saya berdoa semoga Allah menerima amal saya dan mengampunkan setiap kekhilafan dan kecuiaan saya.

Terima kasih kepada Saudara Hasbie Muda yang menyusun dan menyunting semula penulisan saya dan terima kasih juga kepada Saudari Ennie Zuhasniza Jamaludin yang turut sama membantu dari segi suntingan sehingga membentuk senaskhah buku untuk dipersembahkan kepada para pembaca.

Terima kasih juga kepada isteri dan keluarga, Saudara Abdul Razak Ramli bersama Saudara Rashidi Che Ros, pemilik chalet di Pulau Jemuruk, Langkawi yang menemani saya sepanjang penulisan ini.

Juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini.

Salam hormat,

MOHAMAD BIN SABU

16 September 2021

GARIS MASA

MOHAMAD BIN SABU

- | | | |
|-------|-------------|--|
| 1954, | 14 Oktober | Dilahirkan di Kampung Guar Petai, Tasek Gelugor, Pulau Pinang |
| 1973 | | Melanjutkan pelajaran ke ITM dalam Diploma Teknologi Makanan |
| 1976 | | Mula terlibat dengan ABIM |
| 1978 | | Menyertai PAS |
| 1979 | | Mendirikan rumah tangga |
| 1982, | 26 April | Bertanding di parlimen Kepala Batas dan DUN Penanti tetapi tewas |
| 1984, | 10 Julai | Ditahan bawah ISA kali pertama |
| 1984, | 8 September | Dikenakan Perintah Sekatan ISA di Kuala Pilah |
| 1986, | 3 Ogos | Bertanding di parlimen Permatang Pauh tetapi tewas |
| 1987, | 28 Oktober | Ditahan bawah ISA kali kedua |
| 1987 | | Dikenakan Perintah Tahanan ISA di Kem Tahanan Kemunting |
| 1989, | 14 Januari | Dikenakan Perintah Sekatan ISA di Shah Alam |
| 1990, | 21 Oktober | Dipilih sebagai Ahli Parlimen Nilam Puri, Kelantan |
| 1991 | | Dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat |
| 1995, | 25 April | Dipilih sebagai Ahli Parlimen Kubang Kerian, Kelantan |
| 1999, | 29 November | Dipilih sebagai Ahli Parlimen Kuala Kedah, Kedah |



2004,	21 Mac	Bertanding di parlimen Kuala Kedah tetapi tewas
2005,	5 Jun	Dipilih sebagai Naib Presiden PAS
2008,	8 Mac	Bertanding di parlimen Kuala Terengganu tetapi tewas
2011,	5 Jun	Dipilih sebagai Timbalan Presiden PAS
2011,	21 September	Didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth isu Mat Indera
2013,	23 November	Mempertahankan jawatan Timbalan Presiden PAS
2013,	5 Mei	Bertanding di parlimen Pendang tetapi tewas
2015,	5 Jun	Gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden PAS
2015,	13 Julai	Melancarkan gerakan Harapan Baru
2015,	16 September	Melancarkan Parti Amanah Negara dan dilantik sebagai Presiden
2018,	9 Mei	Dipilih sebagai Ahli Parlimen Kota Raja
2018,	21 Mei	Angkat sumpah sebagai Ahli Jemaah Menteri (Menteri Pertahanan)
2019		Dipilih semula sebagai Presiden Parti Amanah Negara



AKHIRNYA BN TUMBANG!

*'... mitos bahawa hanya UMNO dan
BN mampu memerintah negara
akhirnya hancur berkecai pada pagi 10 Mei 2018 ...'*

Selepas 11 hari tempoh berkempen, akhirnya kami berada pada saat-saat pengiraan undi yang cukup mendebarkan. Saya bersama Tun Dr Mahathir Mohamad dan para pimpinan utama Pakatan Harapan berkumpul di Hotel Sheraton, Petaling Jaya. Menjelang jam 9.00 malam, satu per satu keputusan pilihan raya diterima. Saya dapati beberapa kerusi yang sebelum ini disandang BN telah berjaya dirampas oleh Pakatan Harapan. Ini petanda yang baik. Lebih kurang jam 12.00 tengah malam, Tun Mahathir mengumumkan bahawa Pakatan Harapan telah berjaya melepasi angka 112 kerusi parlimen dan layak membentuk kerajaan. Tun Mahathir juga mengumumkan kemenangan Pakatan Harapan di enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kedah.

Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih belum membuat pengumuman rasmi. Berlegar khabar angin kononnya Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah Perdana Menteri 'Caretaker' Mohd Najib Razak akan mengisytiharkan darurat dan tentera dikerahkan ke tempat tertentu. Walau bagaimanapun, kami terus sabar menanti keputusan.

Akhirnya debaran terjawab pada jam 4.40 pagi 10 Mei 2018 apabila Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd Hashim Abdullah mengumumkan bahawa Pakatan Harapan telah meraih majoriti mudah kerusi parlimen sekali gus layak membentuk Kerajaan Persekutuan yang baharu. Usai pengumuman itu, kegembiraan saya sukar diungkapkan dengan kata-kata. Sejarah telah tercipta. Akhirnya.

Kemudian perasaan saya mula bercampur baur antara gembira dan gelisah atau rasa tidak tentu arah kerana ini adalah pertama kali sejak Merdeka, Kerajaan Persekutuan akan bertukar tangan. Sudah tentu

saya dan rakan-rakan akan memikul beban amanah yang cukup berat selepas ini. Terbayang cabaran untuk membina sebuah pentadbiran baru bersama-sama para pegawai kerajaan yang telah terdidik begitu lama di bawah kerajaan Parti Perikatan dan BN. Apa pun, ini adalah kemenangan rakyat yang cukup besar dan perlu diraikan dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran.

Pakatan Harapan mencipta kejutan apabila mendapat majoriti mudah iaitu 113 kerusi manakala rakan sekutu kami, Parti Warisan Sabah (WARISAN) memenangi lapan kerusi sekali gus gabungan Pakatan Harapan 'plus' memenangi 121 kerusi secara keseluruhannya. BN pula berjaya mempertahankan 79 kerusi, diikuti PAS dengan 18 kerusi, manakala Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) memenangi satu kerusi. Tiga kerusi parlimen dimenangi oleh calon Bebas yang kemudiannya menyertai Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN).

Daripada 34 kerusi parlimen yang ditandingi, AMANAH berjaya memenangi 11 kerusi termasuk saya sendiri menang di parlimen Kota Raja dengan majoriti undi yang agak besar iaitu mencecah 71,142 undi. Saya telah menewaskan calon PAS dan juga calon BN. Beberapa hari kemudian, sewaktu saya menghadap Yang di-Pertua Negeri Melaka Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Yaakob, beliau mengucapkan tahniah kepada saya kerana menjadi calon Melayu yang pertama sejak Merdeka memperoleh jumlah majoriti undi yang begitu besar. Tun Khalil pernah menjawat pelbagai jawatan penting dalam UMNO termasuk Setiausaha Agung UMNO pada era Dr Mahathir Mohamad menjadi Presiden UMNO dahulu.

Selain itu, antara pemimpin AMANAH yang memenangi kerusi parlimen termasuklah Salahuddin Ayub (Pulai), Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar), Dato' Mahfuz Omar (Pokok Sena), Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus (Hulu Langat), Dr Mohd Hatta Md Ramli (Lumut), Dr Hassan Bahrom (Tampin), Anuar Tahir (Temerloh), Mohamed Hanipa Maidin (Sepang), Khalid Abdul Samad (Shah Alam) dan Dr Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor). AMANAH hampir menawan kerusi parlimen Jasin dan Kuala Kangsar tetapi kalah tipis dengan hanya 219 dan 731 undi sahaja.

Di peringkat DUN pula, AMANAH berjaya memenangi 34 kerusi di seluruh negara iaitu sembilan di Johor, lapan di Selangor, enam di Perak, empat di Kedah, tiga di Negeri Sembilan, dua di Melaka dan dua di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, AMANAH gagal meraih


sebarang kerusi di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis dan Sabah. Terdahulu dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak pada tahun 2016, AMANAH juga gagal meraih sebarang kerusi di Bumi Kenyalang. Secara keseluruhannya, Pakatan Harapan *plus* memperoleh 5,837,283 undi atau 48.31 peratus iaitu kurang sedikit berbanding 50.87 peratus yang dicapai oleh Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013. Tetapi pencapaian ini adalah suatu lonjakan besar daripada 36.07 peratus undi Pakatan Rakyat yang diperoleh dalam PRU 2013. Angka ini diperoleh jika undi PAS pada PRU 2013 diasingkan daripada jumlah undi Pakatan Rakyat. PAS merupakan anggota Pakatan Rakyat pada PRU 2013 tetapi PAS bukan anggota Pakatan Harapan pada PRU 2018.

BN pula yang mendapat 47.38 peratus pada PRU 2013 merudum kepada 33.77 peratus atau 4,080,797 undi. PAS pula mendapat 2,041,105 undi atau 16.89 peratus. Walaupun PAS menambah undi popularnya daripada 14.8 peratus pada PRU 2013 (menerusi Pakatan Rakyat), kerusi parlimen yang diperolehnya merosot sebanyak tiga kerusi.


Bagi sebuah parti yang baru berusia tiga tahun, pencapaian ini amatlah menggembirakan saya. AMANAH bukan hanya bertahan melebihi tiga bulan atau dua tahun sebagaimana yang diramalkan oleh ramai musuh politik kami sebaliknya AMANAH berjaya menjadi kerajaan dalam masa yang singkat. Kejayaan ini amat manis buat semua ahli parti yang berjuang secara bersungguh-sungguh, kolektif dan bersatu padu.

Lebih penting, mitos bahawa hanya UMNO dan BN mampu memerintah negara akhirnya hancur berkecai pada pagi 10 Mei 2018.

Segala puji bagi Allah dan syukur atas nikmat kemenangan ini.



MULA BERJUANG




*Awal yang baik memberikan
akhir yang baik*


~ Peribahasa Melayu



**RENANG-RENANG
MENENTANG ARUS**



**MARI KITA
BERJUANG TERUS**



KAMPUNG GUAR PETAI

‘... *“Hang nak bunuh anak ke Sabu?”*

*Ayah hanya menjawab “Tak apa.
Tak kan dia nak mampuih.” ...’*

Selepas Perang Dunia Kedua berakhir, British kembali menguasai Negeri-Negeri Melayu dan membentuk Malayan Union. Parti Komunis Malaya (PKM) pula melakukan pemberontakan bersenjata yang diketuai oleh Chin Peng bersama-sama Abdullah CD, Rashid Maidin dan beberapa lagi pemimpin yang lain. Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union diisytiharkan darurat bermula tahun 1948. Pada waktu itu, kehidupan rakyat berada dalam keadaan yang cukup sukar. Infrastruktur asas di luar bandar dan kampung-kampung masih lagi ketinggalan termasuklah di Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Saya dilahirkan di Kampung Guar Petai, Tasek Gelugor, Pulau Pinang pada 14 Oktober 1954 iaitu tiga tahun sebelum Merdeka. Tasek Gelugor terletak di bahagian utara Seberang Perai iaitu di antara Kepala Batas dan Permatang Pauh. Ayah saya, Sabu bin Din merupakan seorang pesawah yang kadangkala mengambil upah membuat kerja-kerja kampung seperti menjual buah pinang manakala ibu saya Halijah binti Mat adalah suri rumah sepenuh masa. Ayah juga aktif dalam kegiatan kemasyarakatan dengan berperanan sebagai guru al-Quran dan setiausaha madrasah di kampung. Datuk sebelah Ayah berasal dari Phuket, Thailand manakala ibu saya adalah anak jati Sungai Petani, Kedah.

Saya adalah anak kelima daripada sembilan adik beradik. Nama adik beradik yang lain adalah Fatimah, Abdullah, Zainab, Sofiah, Kassim, Samsuddin, Hindun dan Zaleha. Dua adik saya yang bernama Kassim dan Hindun meninggal dunia sewaktu kecil. Nama adik saya Samsuddin kemudiannya ditukar kepada nama Kassim bagi memperingati adik lelaki saya yang meninggal dunia itu.

“Dua kali Mohamad Sabu disumbat dalam ISA. Dia tunduk kepada UMNO kah? Dia sujud pada UMNO kah? Tidak. Mana baik antara Mohamad Sabu dengan (yang) balik Universiti al-Azhar dan jadi Pemuda UMNO, mana baik?...”

...Dia sangat dibenci oleh musuh. InsyaAllah UMNO tak lena tidur selepas ini.”

~ Mursyidul Am PAS Tuan Guru
Nik Abdul Aziz Nik Mat (2011)

“Si Jantan ini jelas bercakap tentang politik Malaysia. Jantan ini bercakap teratur, tuntas dan jelas. Ini menjadikan saya tertarik ... saya terpegun.”

~ Hishamudin Rais, Aktivistik Politik (2018)

“Dalam buku ini, saya menulis beberapa peristiwa penting... juga mengambil peluang menjelaskan beberapa tuduhan yang melibatkan diri... serta sebab dan rasional... meninggalkan PAS dan menubuhkan Parti Amanah Negara Saya juga turut menyentuh beberapa orang tokoh yang melatari peristiwa-peristiwa yang berlaku...”

~ Mat Sabu

Juang Mat Sabu

ISBN 978-967-2634-11-9



9 78 9672 6341 19

Malaysia : RM69.00

Layari:
juanghabis.com